## Latihan 4

**Soalan 1 hingga 5**
*Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai**.

**1.** "Bilakah ________ akan ke rumah saya?" tanya Husna kepada rakan-rakannya.

**A** awak **C** mereka
**B** engkau **D** kalian

**2.** Semua ________ diwajibkan supaya memakai baju kurung berwarna biru sepanjang minggu suai kenal tersebut.

**A** mahaguru
**B** maharaja
**C** mahasiswa
**D** mahasiswi

**Soalan 3** *berdasarkan gambar di bawah ini.*



**3.** Puan Ainul berusaha untuk ________ baju-baju tempahan pelanggannya sebelum hari raya menjelang.

**A** menyiapkan
**B** melangsaikan
**C** menghabiskan
**D** menyelesaikan

**4.** Setiap kumpulan dikehendaki membentangkan ________ masing-masing tentang isu pencemaran alam untuk diperdengarkan kepada murid lain.

**A** surat rasmi
**B** kertas kerja
**C** kad ahli
**D** buku rujukan

**5.** Aisya membuat ________ dengan rakan-rakannya untuk berjumpa di taman rekreasi pada hujung minggu.

**A** janji temu
**B** temu duga
**C** soal jawab
**D** soal selidik

**Soalan 6 hingga 9**
*Ayat-ayat yang berikut* **mungkin betul** *dan* **mungkin salah**. *Jika* **terdapat kesalahan**, *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A**, **B**, *atau* **C** *dan jika* **tiada kesalahan** *telah ditandakan dengan* **D**.

*Pilih jawapan yang* **paling sesuai**.

**6.** Saintis itu sanggup menempuh pelbagai
**A**
cabaran untuk memastikan kajian yang
**B**
dijalankan berjaya. Tiada kesalahan.
**C** **D**

**7.** Beratus ekor ikan di dalam kolam itu telah
**A**
dihanyutkan ke laut dalam kejadian banjir
**B**
pada minggu lepas. Tiada kesalahan.
**C** **D**

**8.** Kejadian buli yang berlaku di setengah
**A**
sekolah tidak wajar dibiarkan supaya
**B**
mangsa mendapat pembelaan dan bantuan.
**C**
Tiada kesalahan.
**D**

LIVEWORKSHEETS